



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI PELANCONGAN (B.2 EB.3)
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.




**1. PEGAWAI PELANCONGAN
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Event Management* / Mass Komunikasi (*Mass Communication*) / Pemasaran / Pengurusan Pelancongan dan Perhotelan / Pengurusan Perniagaan dan Kewangan / Pentadbiran Pelancongan / Perhubungan Antarabangsa / Perniagaan Pelancongan atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pengurusan pelancongan adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:
SECARA AM**

1. Membuat perancangan dan pelaksanaan mengenai perkembangan produk pelancongan, promosi dan pemasaran dan peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan pelancongan di Negara Brunei Darussalam;
2. Menghadiri mesyuarat / persidangan / kursus / seminar yang berkaitan dengan bidang pelancongan dalam dan luar negeri;
3. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dalam usaha menggalakkan dan memajukan industri pelancongan antaranya:
 - i. Menyelaraskan lawatan suai kenal dan agensi pelancongan luar negeri;
 - ii. Menyelaras penerbitan risalah-risalah promosi pelancongan;
 - iii. Menganjurkan dan mengendalikan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang pelancongan;
 - iv. Menyelaras dan menyediakan persiapan-persiapan bagi menyertai pameran-pameran di dalam dan luar negara; dan



- v. Menyelaras dan menyediakan statistik mengenai pelancongan.
4. Bertangungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.

SECARA KHUSUS

1. Membuat penilaian awal, penganalisaan dan laporan mengenai perkembangan projek yang berkaitan dengan industri pelancongan;
2. Melaksanakan projek-projek (tahunan dan Rancangan Kemajuan Negara) yang berkaitan dengan perkembangan produk industri pelancongan;
3. Membangunkan pakej pelancongan baru dan merevitalisasi pakej pelancongan yang sedia ada untuk meningkatkan pengalaman pengunjung dan menarik pasaran baru;
4. Membantu merancang program dan projek pembangunan baru industri pelancongan;
5. Memberi bantuan perhubungan antara jabatan dan pihak industri; dan
6. Melibatkan diri secara aktif dan memberi sumbangan dengan berkesan dan proaktif dalam perbincangan atau perjumpaan antara Bahagian-Bahagian di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan iaitu Dasar, Pentadbiran dan Kewangan, Pemasaran dan Promosi, dan Pematuhan dan Standard serta menghadiri mesyuarat di dalam negeri dan luar negeri diperingkat antarabangsa.